

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 NOVEMBER 2016

Pembahagian kerusi PRU-14 parti komponen BN Sabah

Ambil kira prestasi calon - PM

um - 13/11/2016

Oleh ASSIM HASSAN

utusanabah@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 12 NOV.

PEMBAHAGIAN kerusi dalam pilihan raya umum akan datang melibatkan parti komponen di negeri ini akan mengambil kira prestasi, keupayaan calon boleh menang serta apa yang terbaik untuk Barisan Nasional (BN).

Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kesemua elemen itu adalah berdasarkan komited setiap parti untuk turun ke bawah mendengar denyut nadi rakyat sekali gus berusaha menyelesaikan masalah berbangkit.

Malah Perdana Menteri mengingatkan semua parti komponen supaya tidak mengambil sikap selesa dan memandang rendah kuasa pengundi walaupun kejayaan besar terbukti pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak lalu serta dua pilihan raya kecil di Sungai Besar, Selangor dan Kuala

Kangsar, Perak.

“Cita-cita saya pada pilihan raya umum akan datang adalah Sabah memberikan keputusan yang lebih baik berbanding Pilihan Raya Umum ke-13. Mengenai kerusi, mana-mana parti komponen akan minta kerusi atau tambah kerusi. Kalau calon yang dicalonkan oleh parti komponen boleh menang, kita sedia mempertimbangkannya.

“Kita mengambil kira apa terbaik untuk BN kerana kita hendak membentuk kerajaan dan bukan setakat itu tetapi membentuk kerajaan yang kuat,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (UPKO) di Pusat Kebudayaan Sabah di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Presiden Kehormat UPKO, Tan Sri Bernard Dompok dan Pemangku Presiden UPKO, Datuk Seri Madius Tangau serta barisan pemimpin komponen BN.

Najib percaya parti-parti serpihan yang wujud kini tidak mampu menyaingi ‘kehebatan’ BN selagi pemimpin BN melaksanakan tanggungjawab dengan betul dengan memberi tumpuan kepada rakyat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu melihat Sabah terus maju dan membangun seiring dengan apa yang dikecapi di Semenanjung selain komited untuk terus membantu kerajaan negeri memajukan negeri ini.

Mengulas mengenai Perjanjian Malaysia 1963 yang dibangkitkan, Najib berkata, Kerajaan Pusat terbuka untuk berunding berkaitan perbezaan tafsiran dalam soal perjanjian tersebut.

“Saya tak nak ambil hak orang Sabah. Hak orang Sabah saya nak ia (hak) dipertahankan. Tetapi saya minta jangan sesekali kata kami (rakyat Sabah) mahu keluar dari Malaysia. Kita dalam satu keluarga, kita tetap bersama dalam ikatan Malaysia,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri

turut mengajak rakyat supaya membudayakan sikap berfikiran terbuka agar hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara kelas pertama tercapai.

Ujarnya, rakyat Malaysia tidak harus menyibukkan diri dengan perkara remeh-temeh kerana keadaan itu hanya akan menyebabkan negara tertinggal jauh ke belakang berbanding negara lain.

“Kita mempunyai agenda besar. Kita bukan nak jadi negara kelas kedua, atau mahu menjadi negara biasa-biasa sahaja. Kita mahu Malaysia menjadi negara terbaik dalam kalangan yang terbaik di muka bumi ini.

“Atas sebab itu, saya mencajangkan Transformasi Nasional 2050 (TN50). TN50 inilah satu proses dialog dari akar umbi yang bertujuan menentukan hala tuju baharu untuk meletakkan Malaysia ini di puncak kegemilangan sebagai sebuah negara kelas pertama yang boleh kita banggakan,” katanya.